

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92.

Oktober/November 1991

RMT 552 Pengurusan Projek 1

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi
TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan
peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Sektor perumahan adalah salah satu sektor dalam industri binaan di Malaysia yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ia bukan sahaja mewujudkan penawaran perumahan tetapi juga menjadi petunjuk kepada kualiti kehidupan rakyat Malaysia.

Dalam beberapa penulisan dan komen yang diutarakan, masalah penawaran perumahan sering dikaitkan dengan ketidakupayaan industri ini memenuhi keperluan perumahan negara.

'Pelunjuran perumahan sekarang ini sebenarnya tidak mengambil kira permintaan berkesan yang sebenar yang dapat diwujudkan dari faktor-faktor keupayaan dan sebagainya. Sebenarnya andaian yang digunakan dalam pelunjuran keperluan perumahan menggunakan konsep keperluan perumahan untuk sesuatu isirumah.'

Komen dan kritik pernyataan di atas berdasarkan kepada teori penentu permintaan perumahan dan pembacaan anda.

(25 Markah)

...2/-

2. Kewujudan berpanjangan sebuah firma binaan boleh di-analisis dari teori firma dan aspek-aspek keluk kos dan jangka masa pendek dan panjang. Pencerapan umum, menunjukkan yang firma binaan di Malaysia mempunyai kebolehpayaan yang rendah dalam mengharungi kitaran kemelesetan ekonomi.

Dari pembacaan anda jelaskan sama ada teori firma dan aspek-aspek keluk kos jangka pendek dan panjang dapat digunakan untuk menerangkan kurangnya kebolehpayaan ini. Huraikan sebab-sebabnya sekiranya ini tidak dapat dilakukan dan berikan penjelasan alternatif.

(25 Markah)

3. Wawasan 2020 memerlukan pertumbuhan sumber manusia yang pesat dalam industri binaan. Rangka Pelan Persektif 2 (Outline Perspective Plan 2) yang menggariskan keperluan ini secara terperinci menghendaki pertumbuhan industri binaan sebanyak dua kali ganda dan pertumbuhan sumber manusia dalam kadar yang sama.

Dari perbincangan dan pembacaan dan pengetahuan anda, huraikan abar-abar yang mungkin akan melembabkan pencapaian ini dan cadangkan cara-cara yang dapat diimplementasikan untuk menangani abar-abar tersebut.

(25 Markah)

4. Penawaran perumahan di Malaysia diterajui secara menyeluruh oleh pemaju sekulatif. Secara amnya, rasional ini akan mengurangkan pilihan perumahan oleh isirumah dari segi jenis, kualiti, lokasi dan persekitaran. Campurtangan kerajaan walau pun wujud masih mewujudkan pasaran bebas.

Dari pembacaan anda (dalam aspek-aspek pilihan iaitu perumahan, penswastan, perumahan terupaya, kawalan pemaju, campurtangan kerajaan, keseimbangan permintaan dan penawaran, pembiayaan dan spekulasi); pilih salah satu dari aspek tersebut, huraikan konsep yang wujud dan beri kritikan dalam konteks isu perumahan di Malaysia.

(25 Markah)

5. Pasaran sesebuah negara atau sekumpulan negara bergantung kepada beberapa faktor seperti kestabilan politik dan keunikan pasaran. Kumpulan negara-negara dalam sesuatu kawasan ekonomi semakin meningkat. Kesan kepada kewujudan kumpulan ekonomi negara-negara ini sudah banyak diperbincangkan.

Dari pembacaan anda huraikan kenapa kumpulan ekonomi seperti ASEAN, APEC dan EAEG wujud. Sebagai seorang yang peka kepada kesan dan peluang dalam industri binaan, jelaskan kesan kepada operasi industri binaan dalam negara-negara terbabit sekiranya lebih banyak kumpulan-kumpulan seperti ini wujud.

(25 Markah)

6. Organisasi projek-projek pembinaan sekarang banyak dikawal dan dipelopori oleh klien dan berkemungkinan pelabur.

Huraikan beberapa faktor yang boleh menyebabkan perkara ini berlaku. Huraikan juga kesan kepada struktur dan operasi industri binaan di Malaysia sekiranya perubahan ini lebih menyeluruh.

(25 Markah)

-ooo00ooo-